

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

**PLG 401 - Perkembangan dan Penguasaan Kemahiran Berbahasa  
dan Matematik**

(Masa : 3 jam)

---

Jawab LIMA (5) soalan sahaja. Setiap bahagian, A, B dan C, anda dikehendaki menjawab sekurang-kurangnya satu (1) soalan. Tiap-tiap jawapan hendaklah dijawab dalam helaian yang baru.

**Bahagian A**

1. Program Bahasa di sekolah rendah adalah menekankan kemahiran asas membaca, menulis, dan berbahasa (lisan).

Pilih salah satu daripada kemahiran-kemahiran tersebut dan bincangkan mengikut tajuk-tajuk berikut:-

- i) Matlamat/konsep
- ii) Strategi pengajaran
- iii) Aktiviti pengajaran

(20 markah)

2. Perkembangan dan penguasaan bahasa kanak-kanak di sekolah rendah adalah berkait rapat dengan :

- i) pengajaran guru
- ii) buku teks

Bincangkan.

(20 markah)

...2/-

3. Secara ringkas, huraikan perbezaan di antara pemerolehan dengan pembelajaran bahasa kanak-kanak. Beri contoh-contoh bagi menyokong huraian anda.

(20 markah)

**Bahagian B**

4. Hampir kesemua ahli-ahli pendidikan dan pendidikan matematik berpendapat bahawa ..... "murid-murid sekolah rendah hanya boleh memahami konsep matematik melalui pengalaman konkrit".

Bincangkan alasan-alasan yang dikemukakan oleh ahli-ahli pendidik tertentu bagi menyokong pandangan tersebut.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan pendapat sekurang-kurangnya tiga orang ahli pendidik/pendidikan matematik tersebut.

(20 markah)

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "Pengabadian Kuantiti"?  
(b) Bagaimanakah caranya untuk mengukur kebolehan mengabadikan kuantiti seperti nombor atau isipadu di kalangan kanak-kanak?  
(c) Mengapa penting kanak-kanak menguasai kebolehan mengabadikan kuantiti seawal-awal yang mungkin?

(20 markah)

...3/-

**Bahagian C**

6. Hayatilah kartun di muka surat sebelah sebelum menjawab soalan-soalan yang berikutnya. *[kartun di muka surat 4]*

Berpandukan pengetahuan anda mengenai perkembangan kemahiran asas matematik dan pemikiran logik di kalangan kanak-kanak, cuba anda jawab soalan-soalan ini.

- a) Pada peringkat perkembangan yang manakah kanak-kanak yang dalam kartun di atas itu sedang mengalami? Beri julat umur yang anda anggarkan
- b) Daripada perbualan Patty dan mengikut pengertian anda, apakah tanggapan Patty terhadap matematik? Sila senaraikan sekurang-kurangnya EMPAT tanggapan itu.
- c) Adakah semua tanggapan Patty itu betul? Bagi setiap tanggapan Patty itu, bolehkah anda ulaskan satu sebab yang mungkin yang menjadikan Patty mempunyai tanggapan tersebut?
- d) Jika anda ialah guru matematik kepada Patty, cadangkan satu cara yang sesuai yang anda akan gunakan untuk memperbetulkan salah satu tanggapan Patty yang tidak betul itu.

(20 markah)

7. Jelaskan kepentingan “kemahiran membilang” dalam perkembangan konsep nombor bagi seseorang kanak-kanak.

(20 markah)

FIGURE 1.1: Peppermint Patty's Thoughts on Mathematics

